

21 AUG 1999

Pemuda-Kosovo

PEMUDA SANGGUP HARUNGI LAUT BERGELORA UNTUK KUTIP DERMA

BUTTERWORTH, 21 Ogos (Bernama) -- Seorang pemuda Abdul Malik Mydin sanggup merenangi selat Pulau Pinang dalam keadaan laut yang bergelora akibat angin kencang dan hujan lebat demi menjayakan kutipan derma Tabung Barisan Bertindak Kosovo.

Pemuda berumur 24 tahun itu memulakan cabarannya sejauh 7.8 km itu dari Padang Kota Lama di sini pada pukul 2 petang dan menamatkannya dalam tempoh empat jam di kawasan pantai dekat Terminal Kontena Utara Butterworth.

Dia juga membawa bendera Jalur Gemilang untuk diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai tanda melancarkan kutipan derma anjuran UMNO Bahagian Bagan.

Sebanyak RM7,000 berjaya dikutip untuk tabung itu dan derma itu diserahkan Abdullah.

Abdul Malek ketika ditemui berkata, beliau mengalami kecederaan akibat digigit oleh obor-obor ketika di laut tetapi meneruskan usahanya.

Katanya, ilham untuk berenang merentasi selat itu adalah sebagai menyahut cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu rakyat negara ini mampu menempuh sebarang cabaran.

Abdul Malik merupakan bekas pelumba basikal skuad Sukan Malaysia (Sukma) Selangor dan pernah memenangi pingat emas pada Sukma di Ipoh.

Beliau dipilih menyertai skuad Sukan Komanwel '98 tetapi menarik diri apabila terbabit dengan krisis dalaman antara Persatuan Lumba Basikal Malaysia dengan para pelumba Selangor.

-- BERNAMA

AA AKD